


THE
NEWS
GALLERY
BEYOND HEADLINES

GALERI BERITA: BUKAN SEKADAR TAJUK UTAMA



Panduan Pameran

Pelan Lantai Pameran



Akhbar moden pertama kali diterbitkan pada abad ke-17. Ia menjadi salah satu saluran tetap yang memberi maklumat kepada orang ramai mengenai peristiwa-peristiwa yang berlaku di sekeliling mereka dan dunia luar. Apabila Internet merevolusikan media pada abad ke-21, keupayaan seseorang untuk menafsir, menilai dan menggunakan maklumat menjadi kemahiran hidup yang penting.

Galeri Berita: Bukan Sekadar Tajuk Utama ini menawarkan platform interaktif yang membolehkan para pengunjung belajar untuk menjadi lebih bijak menilai maklumat dan media, melalui sumber-sumber akhbar yang kaya di Perpustakaan Negara. Pameran ini memaparkan kisah-kisah akhbar Singapura dalam koleksi perpustakaan yang bertarikh sejak tahun 1820an. Ia membentangkan peristiwa-peristiwa penting dalam sejarah Singapura melalui perspektif pelbagai media yang berlainan. Pameran ini juga menawarkan penjelasan tentang berita-berita palsu, dan meneroka pelbagai sudut dunia berita media yang menarik, tetapi ada masanya membingungkan.

- ① Edisi Awal
- ② Cerita Sebalik Berita
- ③ Fakta Atau Auta?
- ④ Ekstra! Ekstra!
- ⑤ Ayuh Baca Semua
- ⑥ Jadi Berita Utama!

THE NEWS GALLERY

BEYOND HEADLINES

Current display of early newspapers



The Straits Times, and Singapore Journal of Commerce
5 August 1845
Singapore: Straits Times Press

The Straits Times was first published on 15 July 1845 as *The Straits Times, and Singapore Journal of Commerce*, an eight-page weekly newspaper. The paper covered local and foreign news, as well as commercial and shipping information.

The Straits Times diterbitkan buat pertama kali pada 15 Julai 1845 sebagai *The Straits Times, and Singapore Journal of Commerce*. Akhbar mingguan setebal lapan muka surat ini menyajikan berita dalam dan luar negara serta maklumat perdagangan dan perkapalan.

த ஸ்ட்ரெய்ட்ஸ் டைம்ஸ் செய்தித்தாளும், சிங்கப்பூர் ஜர்னல் ஆப் காமர்ஸ் என்ற எட்டுப் பக்க வாராந்திர செய்தித்தாளும் 1845-ஆம் ஆண்டு ஜூலை 15-ஆம் தேதி தொடங்கப்பட்டன. இவ்விரு பத்திரிகைகளும் உள்ளூர், வெளியூர் செய்திகளையும், வர்த்தகம், கப்பல் போக்குவரவு, கடல் வாணிபம் முதலான செய்திகளையும் வெளியிட்டன.

《海峡时报》于1845年7月15日首次出版。当时该报的原名为《海峡时报与新加坡商务期刊》，是一份共八页的周报。该报报道了本地和海外新闻，以及与商务和航运方面有关的资讯。

சிங்கை நேசன்.

Printed and Published by DENODAYA VENTHIRA PRESS, Singapore.

Subscription in Advance:

1 Year	100
6 Months	50
3 Months	25

Additional Rates:

Foreign	150
India	100
Malaya	75

Advertisements:

Per Line	10
Per Column	20

சிங்கை நேசன் (Singai Nesan)

3 September 1888

Singapore: Denodaya Venthira Press

Singai Nesan (Singapore Friend) is one of Singapore's earliest Tamil-language news journals, first produced for the Tamil diaspora. The weekly newspaper featured local happenings in Southeast Asia and Tamil-speaking countries such as India and Sri Lanka. Publication of *Singai Nesan* ceased in 1890 due to little support.

Singai Nesan (Rakan Singapura) merupakan antara akhbar Tamil yang terawal di Singapura. Dihasilkan untuk diaspora Tamil, akhbar mingguan ini melaporkan kejadian di Asia Tenggara dan negara-negara di mana bahasa Tamil digunakan seperti India dan Sri Lanka. Penerbitan *Singai Nesan* dihentikan pada tahun 1890 kerana kurang sambutan.

புலம்பெயர் தமிழர்களுக்காக சிங்கப்பூரில் தொடங்கப்பட்ட சிங்கை நேசன், தமிழில் வெளிவந்த ஆரம்பகால செய்தித்தாள்களில் ஒன்றாகும். இந்த வாரப்பத்திரிகையில் தென்கிழக்காசியா, தமிழ் பேசும் மக்கள் வாழும் இந்தியா, ஸ்ரீலங்கா போன்ற நாட்டுச் செய்திகள் இடம்பெற்றன. 1890-ஆம் ஆண்டு போதிய ஆதரவு இல்லாமல் சிங்கை நேசன் பத்திரிகை நிறுத்தப்பட்டது.

原为淡米尔侨民出版的《新加坡之友》是新加坡最早的淡米尔文新闻报章之一。该周报报道了东南亚和其他淡米尔族群居住的国家如印度和斯里兰卡的新闻。因缺乏支持，该报于1890年停刊。

تیم سیم
مفرد بود اوله سواد کینگ جم علام تروری دار، دله
جم اوزبع ساتو \$1.75 جم بکمان چنودو
بلع کینبل \$3.75 بکسر
موتک جم برجهما له 100 سین

E. O. Gammeter & Co.
16, Collyer Quay.

ساج محمد علی بن عامر
140 عرب سرت
سیاقورا

سعدیا سجال برنیم
سلیرقا فرمولان برنک دکور
ایتن تیروان ماکلایم
بیوک سلیرا
دوقه بندوخ سارخ نظیر

اسلایک ریسورانته.
تیر 777 تورث برچ رود
سیاقورا

ایله سوات تفت ماکن اوزبع
اسلام دیوک دوقه فوکل * لاکي
عقک * مالم - سکل ماسق اوزبع *
اسلام ترانسوق نلمی - بریانی کینبل
ایم اد سدیاکن تبقه * هاری.



کول بهار ایشاع اوق
چاری باس سواد اوق
مولاجی مسکوبانکن
بردی هاری اوق

اوق اکن ار کور دلی مذلک مینو ریسوت بکسر سرت
بریا هاروم سبوق دان مفلانکن ریسوت

برچ اوزبع بقلنه مسکوبانکن ماسه مینو اکن کنگوسن بقلنه بقلنه

"REBAIL" "رییل"

ایله هوبت ساکت کیم
بلع ذابغ پاکت سکتی کیم
میرابکنکن - کل سنن پاکت
کنبلع سام او فوکت
به لوز اوقوت لام.
رییل "Rebail" بوقه
کادونانی هرقله کیم کیم
دی قلم ماس کیم ساکت

بوقه داکت دیلی درلق سوا
کدی هوبت ددالم نانه ملاو.
نیلون بایکو کایشا عن گفنی لیبید
NIPPON BAIKU KAISHA & Co. LTD.
No. 49, 51, North Bridge Road,
Singapore.

هوبت مشهور به لوز کولور

چاک توان ساکت
چانلج ریمو سلیکیت
کنبلع وارو کنبلع
نانه ریسوت ساکت فیکلج بری هارو
بواسیر بوقه مسکوبانکن بوقه بوقه
ماره بوقه "سلی فورن فتم دان ماکن
بوقه اد هوبت بلع له پاکت برق سنن
اورهول فوکر حنین بوقه بوقه
مکیر دار ووت برق اکره کیم بوقه
دوقه برق ساکت دان مسوقه بوقه
ریسا سلی ریسوت بوقه بوقه
ایله فریب ایله سده ستم دان
بوقه اکن دیوین ستم سکتی اکن
لیکیت * ایله ای کیم بوقه بوقه
ماره * کور دان بوقه بوقه
هرک سبوقه 40 سین جاک ماکر بوقه
جان بوقه 2 بوقه 20 ریسو سبوقه بوقه
طیب ایله محمد حسن
سیر 4-3 اوزبع 30 کینبلع رود سیاقورا

هوبت توان بقلنه سکتی کیم
تفت مفلوج دان مارو
هوبت بلع مفلوج این مفلوج مفلوج
دالم سواد فرکر اهدانی * حنین - مساق
دالم نعمت مفلوج - سرت فرکانسی *
ایراق مالدان بوقه بوقه بوقه بوقه
دالم تفت مفلوج سرت کور کور
سکره مفلوج ساکت فرقه * دان
مفلوج کیم کیم - کینن دان سوا
سرت کور اوقوت اوقوت اوقوت اوقوت
هرک سبوقه براسی 40 بوقه اوقوت
فکی 20 هاری 30.00
لسته کفر -
Apurata Hadha Gashada Sala
10000, Singapore
ایورسیدا سیرها اوسه اوسه
111-A سلیکی رود سیاقورا

هرک لکان ووت ملایر

\$ 3.00	سولن
8.00	بون
16.00	ایم بون
30.00	ساعتن

Warta Malaya

22 and 24 July 1933

Singapore: Syed Hussein bin Ali Alsagoff

Warta Malaya was first published on 1 January 1930. Written in the Jawi script, the newspaper championed Malay interests in education, economic development and political rights. An important voice on the community's affairs, it was the first Malay-language newspaper to be distributed beyond Malaya.

Warta Malaya pertama kali diterbitkan pada 1 Januari 1930. Ditulis dalam aksara Jawi, akhbar ini memperjuangkan kepentingan masyarakat Melayu dalam bidang pendidikan, pembangunan ekonomi dan hak politik. Suara lantang yang membincangkan ehwal masyarakat, ia merupakan akhbar Bahasa Melayu pertama yang diedarkan ke luar Malaya.

ஜாவி மொழியில் வர்தா மலாயா என்ற பத்திரிகை 1930-ஆம் ஆண்டு ஜனவரி முதல் தேதி வெளிவந்தது. மலாய்க்காரர்களின் அக்கறைக்குரிய அம்சங்களான கல்வி, பொருளாதார வளர்ச்சி, அரசியல் உரிமைகள் ஆகியவற்றில் அது கவனம் செலுத்தியது. மலாய் சமூகத்தின் குரலாக விளங்கிய இப்பத்திரிகைதான் முதன்முதலில் மலாயாவிற்கும் அப்பால் வினியோகிக்கப்பட்ட மலாய் மொழி செய்தித்தாளாகும்.

《马来亚报》于1930年1月1日首次出版。该报以爪夷文书写，倡导马来族群在教育、经济和政治方面的权益。该报是马来族群重要的发声管道，也是第一份在马来亚以外发行的马来文报纸。



星洲日報

(Sin Chew Jit Poh)

20–21 February 1957

Singapore: Sin Chew Jit Poh

Sin Chew Jit Poh was first published on 15 January 1929 by businessman Aw Boon Haw to advertise his Tiger Balm products. One of Singapore's leading Chinese dailies, it promoted patriotic sentiments towards China and the Kuomintang (Chinese Nationalist Party), with the latter's leader Chiang Kai-shek writing the masthead for its inaugural issue.

Sin Chew Jit Poh mula diterbitkan pada 15 Januari 1929 oleh ahli niaga Aw Boon Haw untuk mengiklankan produk Tiger Balm keluaran beliau. Sebagai salah satu akhbar harian Bahasa Cina yang unggul di Singapura, ia mengangkat sentimen setia kepada China dan Kuomintang (Parti Nasionalis Cina), di mana Chiang Kai-shek selaku ketua parti tersebut telah menulis judul utama (masthead) akhbar itu untuk keluarannya yang pertama.

தொழிலதிபர் ஆவ் பூன் ஹாவ், தனது டைகர் பாம் வணிக நிறுவனத்தின் பொருள்களை விளம்பரம் செய்வதற்காக 1929-ஆம் ஆண்டு ஜனவரி 15-ஆம் நாள் சின் ச்யூ ஜிட் போ என்ற சீனப் பத்திரிகையைத் தொடங்கினார். சிங்கப்பூரின் முதன்மையான சீன நாளிதழ்களில் ஒன்றான இப்பத்திரிகை, சீனா, குவோமின்டாங் (சீன தேசிய கட்சி) ஆகியவை குறித்து நாட்டுப்பற்று மிக்க உணர்வுகளை வெளிப்படுத்தியது. சீன தேசிய கட்சியின் தலைவரான சியாங் காய் ஷெக் இப்பத்திரிகையின் முதல் பதிப்பில் தலைப்புக் கட்டுரை எழுதியிருந்தார்.

1929年1月15日，商人胡文虎为宣传他的虎标万金油产品，出版了《星洲日报》。作为新加坡的主要华文日报之一，该报宣扬了对中国和国民党的爱国思想。该报的创刊号报头为当时的国民党领袖蒋介石所题。

Edisi Awal

Singapore Chronicle and Commercial Register, yang ditubuhkan pada tahun 1824, merupakan akhbar pertama di Singapura. Ia dapat bertahan sebagai satu-satunya akhbar tempatan selama lebih sedekad ekoran daripada penguatkuasaan akta sekatan, yang mengharamkan apa-apa penerbitan yang tidak diluluskan oleh pihak berkuasa. Apabila akta itu dimansuhkan pada tahun 1835, ia membuka pasaran kepada penerbitan akhbar-akhbar lain, seperti *The Singapore Free Press* (1835) dan *The Straits Times* (1845).

Akhbar vernakular seperti akhbar berbahasa Cina, *Latpau* (1881), akhbar bahasa Melayu Jawi *Peranakan* (1876) dan akhbar bahasa Tamil *Singai Nesan* (1887) menyiarkan

maklumat perniagaan serta berita-berita masyarakat kepada kaum-kaum yang bermukim di Singapura dan Tanah Melayu. Akhbar-akhbar tersebut membincangkan keprihatinan dan kepentingan kaum masing-masing serta memperjuangkan nasib mereka.

Kisah-kisah akhbar Singapura mencerminkan warna-warni sosio-budaya masyarakat berbilang kaum di negara ini. Perpustakaan Negara menempatkan arkib yang menyimpan lebih daripada 120 judul surat khabar Singapura yang diterbitkan sejak tahun 1827. Kami paparkan di sini salinan asal akhbar-akhbar terpilih dari koleksi perpustakaan, yang akan dikemaskini dari semasa ke semasa.



Singapore Free Press and Mercantile Advertiser

7 Januari 1836

Singapura: Singapore Free Press

The Singapore Free Press and Mercantile Advertiser pertama kali diterbitkan pada 8 Oktober 1835. Ia merupakan akhbar berbahasa Inggeris kedua Singapura selepas *Singapore Chronicle*. Ia dinamakan sedemikian sebagai menandakan pemansuhan akta sekatan. Penerbitan akhbar ini dihentikan pada tahun 1869 tetapi diterbitkan semula pada tahun 1884. Ia telah diambil alih oleh *The Straits Times* pada tahun 1946.



Nanyang Siang Pau

10 April 1941

Singapura: Nanyang Press Ltd

Nanyang Siang Pau adalah akhbar berbahasa Cina yang mula diterbitkan pada 6 September 1923. Ia ditubuhkan oleh ahli perniagaan dan dermawan Tan Kah Kee dengan tujuan mempromosikan perdagangan dan pendidikan. Beberapa penulis dan wartawan Cina yang terkemuka dari China dan Singapura seperti Fu Wumen (傅无闷) dan Hu Yuzhi (胡愈之) pernah menulis untuk akhbar itu. Pada 16 Mac 1983, Nanyang Siang Pau bergabung dengan Sin Chew Jit Poh, satu lagi akhbar harian Cina, untuk menjadi Nanyang Xingzhou Lianhe Zaobao (kemudian disingkatkan menjadi Lianhe Zaobao) dan edisi malamnya, Lianhe Wanbao.



Utusan Melayu

26 September 1945

Singapore: Utusan Melayu Press Limited

Akhbar berbahasa Melayu tulisan Jawi ini pertama kali diterbitkan di Singapura pada 29 Mei 1939. Utusan Melayu merupakan akhbar Melayu pertama yang dimiliki sepenuhnya, dibiayai dan ditulis oleh orang Melayu sendiri. Sebelum itu, akhbar-akhbar Melayu dikuasai oleh orang Islam berketurunan Arab dan India. Yusof bin Ishak, yang kemudiannya menjadi Yang di-Pertuan Negara Singapura yang pertama dilahirkan di Tanah Melayu dan kemudian menjadi presiden republik ini, adalah salah seorang penggerak utama akhbar tersebut.



Tamil Murasu

5 Mei 1936

Singapura: Saranganyany

Tamil Murasu pertama kali diterbitkan pada 6 Julai 1935, dengan matlamat untuk menyebarkan pembaharuan sosio-ekonomi yang diperjuangkan oleh Persatuan Reformasi Tamil, salah sebuah persatuan Tamil paling awal di Singapura. Akhbar yang prihatin tentang status dan hak-hak kaum Tamil di Singapura ini sering membincangkan tentang perlunya meningkatkan kedudukan orang-orang Tamil melalui transformasi sosial dan ekonomi.

Cerita Sebalik Berita

Sebuah berita mungkin hanya kelihatan seperti laporan sesuatu peristiwa atau perkembangan di dunia. Sebenarnya, sesuatu laporan berita dipengaruhi oleh banyak faktor, seperti afiliasi politik bilik berita, sumber pembiayaannya, harapan pembaca, perkara-perkara yang diperjuangkan, pendapat peribadi editor dan wartawan, serta pemikiran semasa dalam masyarakat. Dengan memahami hakikat ini para pembaca akan menjadi lebih bijak dan peka mengenai berita-berita yang mereka baca.

Pameran multimedia ini membentangkan pelbagai peristiwa dari sejarah Singapura dan bagaimana ia dilaporkan dalam akhbar serta media lain. Dengan membandingkan cara yang berbeza sesuatu peristiwa itu disampaikan dan ditafsirkan dalam media, kita dapat menyelami sejarah melalui lensa wartawan serta mempelajari bagaimana media berfungsi.



Kubu yang kebal atau hanya propaganda sahaja? Pembukaan pangkalan tentera laut

Sebelum Perang Dunia Kedua, pertahanan Singapura dianggap begitu kuat sehingga pulau ini disebut-sebut sebagai "kubu yang tidak dapat ditawan". Akhbar-akhbar Inggeris tempatan menyifatkan pembukaan pangkalan tentera laut di Sembawang pada tahun 1938 sebagai satu peristiwa bersejarah. Mereka melaporkannya sebagai pangkalan tentera yang terbesar di dunia, lengkap dengan kemudahan terkini. Lantaran itu, ramai yang terkejut apabila Singapura jatuh ke tangan Jepun pada tahun 1942, menghancurkan ilusi bahawa pulau ini tidak dapat ditakluki.

The Singapore Free Press and Mercantile Advertiser 14 Februari 1938

Singapore Standard
 報 虎 洲 星
 SINGAPORE, FRIDAY, MAY 13, 1955
 15 PAGES 15 CENTS

Strikers, Students Run Riot Outside Alexandra Bus Depot
S.C. BATTERED TO DEATH
RIOT SQUAD CRACKS DOWN Student Killed, 12 Injured
Troops Alerted In Johore And Blakan Mati
Blacked Out Power Cuts Over Batu Pahat
THAIS GET MALAYAN EQUIPMENT
Block Object Speeds Over
FERRY TRAGEDY Death Toll Now 133



Investors Hesitant On Shares
Big Bandit Training Camp Found Near Thai Border
Block Object Speeds Over Batu Pahat
THAIS GET MALAYAN EQUIPMENT
Block Object Speeds Over Batu Pahat
FERRY TRAGEDY Death Toll Now 133

Pergolakan komunis atau pertikaian perusahaan? Rusuhan bus Hock Lee

Rusuhan bus Hock Lee pada tahun 1955 merupakan salah satu rusuhan paling dahsyat dalam sejarah Singapura. Ia berlaku akibat pertikaian buruh antara pekerja bus dengan pengurusan Hock Lee Amalgamated Bus Company. Akhbar-akhbar tempatan memberi pandangan yang berbeza mengenai apa yang telah mencetuskan rusuhan ganas itu. Akhbar-akhbar Inggeris menyalahkan operasi sebalik tabir pihak komunis, manakala akhbar Cina merujuk kepada layanan buruk terhadap pekerja dan kekejaman polis sebagai penyebabnya.

Singapore Standard
13 Mei 1955

Detik krisis atau urusan seperti biasa? Pemisahan Singapura dari Malaysia

Pada 9 Ogos 1965, warga Singapura dikejutkan dengan berita pemisahan Singapura daripada Malaysia. Akhbar-akhbar tempatan berbeza dalam fokus dan sentimen mereka dalam laporan mengenai peristiwa bersejarah itu. Kedua-dua *The Straits Times* dan *Berita Harian* lebih memberikan liputan kepada sidang akhbar Perdana Menteri Malaysia, Tunku Abdul Rahman, manakala *Nanyang Siang Pau* lebih memaparkan pandangan Lee Kuan Yew. Sedang *The Straits Times* menyifatkan pemisahan itu sebagai "berita tragik", akhbar Cina pula mengambil pendekatan tidak emosional dengan nada hampir positif dalam laporan-laporannya.

The Straits Times
 AVERAGE DAILY CERTIFIED SALE EXCEEDS 150,000
 MALAYSIAN NATIONAL NEWSPAPER
 SATURDAY, AUGUST 14, 1965

Now look to the future
Tengku pledges support for admission to Commonwealth and United Nations

What it means—at a glance

Singapore is out
 SINGAPORE today separated from Malaysia, following an amendment to the Constitution approved unanimously by both Houses of Parliament under a certificate of urgency.

Tengku: It was my idea...
 RAJA IS NAMED Foreign Minister

for correct weighing...
AVERY

Good signs

For electrical products throughout Malaysia
G.E.C.

The Straits Times
10 Ogos 1965

Fakta atau Auta?

Dengan munculnya Internet, berita palsu telah menjadi ancaman global. Ia semakin berleluasa, terutamanya di platform media baru. Orang ramai kini boleh menerbitkan sendiri laporan atau kenyataan mereka dengan kos yang rendah atau secara percuma. Mereka boleh menyembunyikan identiti mereka dan mengelakkan diri daripada memikul tanggungjawab atas apa yang mereka siarkan. Lantaran itu, kenyataan yang tidak pasti salah atau benarnya boleh dibuat dengan mudah dan disebarluaskan secara meluas.

Berita palsu boleh meninggalkan kesan yang mendalam dan dahsyat. Ia telah menimbulkan rasa panik di kalangan orang ramai dan gangguan sosial. Wang dan


sumber tenaga terpaksa digunakan untuk membetulkan keadaan. Berita palsu juga berpotensi untuk menghancurkan reputasi individu dan organisasi. Begitu juga, ia dapat menjejaskan kepercayaan terhadap sesuatu institusi, menimbulkan perselisihan kaum atau agama, dan mencetuskan kegelisahan politik.

Kuiz interaktif di sini adalah berdasarkan kes-kes berita palsu dari Singapura dan luar negara, dan direka untuk memberikan pengajaran penting mengenai berita palsu, kesannya dan apa yang boleh kita lakukan untuk mengekang penyebarannya.



Maklumat palsu mengenai sentimen anti-pendatang semasa pungutan suara Brexit

Satu siasatan berikutan pungutan suara Brexit 2016 di UK mendedahkan bahawa terdapat satu siri iklan di Facebook yang mengandungi maklumat palsu yang bertujuan untuk mempengaruhi pengundi supaya menyokong Brexit. Iklan-iklan itu tertumpu pada isu kontroversi seperti imigrasi dan hak-hak haiwan. Iklan-iklan tersebut mempergunakan rasa kekhawatiran seperti kehilangan pekerjaan. Bahkan, terdapat satu iklan yang mendakwa bahawa negara Turki akan bergabung dengan Kesatuan Eropah, dan Britain akan menghadapi kemasukan 700,000 orang Turki.



Berita palsu mengenai keruntuhan Punggol Waterway Terraces

Pada November 2016, sebuah laman berita alternatif telah menerbitkan satu laporan yang mendakwa bahawa tingkat atas sebuah flat Bina Ikut Tempahan Lembaga Perumahan dan Pembangunan (HDB) di Punggol Waterway Terraces telah runtuh. Laporan itu disertai dengan gambar sebuah bangunan yang kononnya telah musnah. Laporan itu menjadi tular di media sosial. Pasukan Pertahanan Awam Singapura dan HDB telah mengerahkan sumber untuk menyiasat, dan akhirnya menjelaskan bahawa laporan tersebut adalah palsu semata-mata.



Serangan WhatsApp di India

India mempunyai bilangan tertinggi pengguna WhatsApp di dunia. Pada 2017-2018, media sosial itu menjadi saluran yang menyebarkan kepalsuan mengenai para pengemis dan pekerja buruh – bahawa kononnya mereka adalah penjenayah. Ini menyebabkan golongan itu menjadi sasaran dan diserang oleh orang ramai, seringkali membawa kepada kematian. Sebagai tindak balas, WhatsApp melancarkan kempen iklan terhadap berita palsu di India dan menyekat bilangan penerima mesej melalui fungsi tuju kepada lima orang sahaja.

Tharman Shanmugaratnam Invests \$1 Billion for All Singapore Residents. Use HIS Method To Become Rich In Just 7 Days!

AS SEEN ON



Tharman Shanmugaratnam promises \$1 billion for all Singapore residents

(Tuesday, September 18, 2018) - The deputy prime minister of Singapore and president of the Monetary Authority of Singapore, Tharman Shanmugaratnam promises \$1 billion for all singapore residents.

Penipuan pelaburan


Kebelakangan ini, beberapa tokoh terkenal Singapura, termasuk menteri, jutawan dan selebriti, telah dipaparkan dalam berita rekaan untuk mendapatkan pelaburan bitcoin. Selain menggunakan gambar dan logo agensi media tempatan, laporan tersebut juga mengandungi tajuk utama yang sensasi dan petikan-petikan kata palsu. Walaupun liputan media dan peringatan dikeluarkan oleh Penguasa Kewangan Singapura (MAS) dan Pasukan Polis Singapura, masih ada sesetengah warga Singapura yang menjadi mangsa penipuan ini.

Ekstra! Ekstra!



Akhbar menawarkan lebih daripada berita – ia juga mengandungi iklan, rencana hiburan, ulasan makanan dan media, gambar-gambar, laporan atau rencana yang memperjuangkan kepentingan sosial, resipi masakan, ruangan mengadu dan nasihat serta banyak lagi. Bahagian ini mempamerkan pelbagai segmen akhbar, meneroka aspek yang berbeza dari dunia media yang menarik dan akan diubah dari semasa ke semasa.

Ayuh Baca Semua



Bacalah berita terkini dan laporan silam dalam koleksi digital akhbar-akhbar masa lampau dan masa kini di Perpustakaan Negara. Terokai NewspaperSG, arkib dalam talian bagi akhbar Singapura yang diterbitkan sejak tahun 1827, serta bacalah akhbar-akhbar semasa dari Singapura dan seluruh dunia di PressReader.

Jadi Berita Utama!



Jadikan impian anda muncul di muka hadapan akhbar satu kenyataan! Bawa pulang cenderamata digital dengan mencipta tajuk berita berserta gambar anda di kiosk interaktif ini.

Terima kasih atas kunjungan anda ke pameran ini.



Lungsuri go.gov.sg/tng-exh untuk mendapatkan maklumat tentang program yang akan datang.



Lungsuri laman **NewspaperSG** untuk arkib akhbar Singapura dari 1827.

Sebuah pameran oleh

